

Simptom sakit buah pinggang

Metro 8/11/13 MS 28.



**DOKTOR
KECEMASAN**

Dr Hanafiah Bashirun
Pegawai Perubatan
Hospital Columbia Asia

■ Antara tanda pesakit kurang membuang air kecil dan jumlahnya sedikit, kaki bengkak, perut menjadi buncit dan sesak nafas

Buah pinggang adalah organ yang berfungsi sebagai sistem kumbahan bagi badan manusia. Di buah pinggang ini, cecair badan ditapis dan disaring. Zat tertentu diseimbangkan dan air yang berlebihan serta toksik badan yang telah diproses dibuang melalui air kencing.

Jika organ ini gagal berfungsi, cecair dalam badan akan 'bertakung' dan zat penting tidak dapat diseimbangkan. Ia juga menyebabkan vitamin seperti kalsium tidak dapat dihasilkan dengan cukup.

Walaupun penyakit ini dinamakan 'sakit' buah pinggang, tetapi simptom penyakit ini bukanlah berasa sakit pada bahagian pinggang semata-mata. Simptomnya bergantung pada individu.

Biasanya, pada peringkat awal buah pinggang mengalami kerosakan, tiada simptom dirasai. Selepas



**SAKIT pinggang
bukan bermakna
sakit buah
pinggang.**

beberapa lama dan semakin banyak bahagian buah pinggang yang rosak, barulah simptom itu mula dirasai.

Ini disebabkan oleh zat di dalam badan yang menjadi tidak seimbang, kandungan toksik dalam badan telah meningkat dan pengumpulan cecair dalam badan yang tidak dapat dikeluarkan dari badan.

Jika zat dalam badan menjadi tidak seimbang, pesakit akan mengalami loya, muntah, pening, cirit-birit, darah dalam air kencing, kencing berbuih, kekejangan, jantung berdebar, selalu cepat letih, hilang selera makan dan ada kala sehingga tidak sedar diri.

Jika toksik dalam badan meningkat, ia akan mengakibatkan kegatalan pada kulit, perubahan warna kulit dan koma. Cecair badan yang tidak dapat dikeluarkan mula bertakung menyebabkan pesakit kurang membuang air kecil dan jumlahnya sedikit. Kaki pesakit akan bengkak, perut menjadi buncit dan sesak nafas berlaku disebabkan oleh pengumpulan cecair dalam badan.

Penyebab kepada berlakunya sakit buah pinggang ini bergantung kepada jenis kegagalan buah pinggang. Sama ada ia akut atau kronik. Bagi kerosakan yang berlaku secara tiba-tiba ataupun akut, ia disebabkan oleh 'kecederaan' pada sel buah pinggang yang berlaku secara tiba-tiba.

Contohnya kemalangan, kecederaan pada buah pinggang, komplikasi pembedahan, pengambilan dadah dan ubat terlarang, kurang peredaran darah secara tiba-tiba ataupun jangkitan kuman.

Biasanya, kerosakan buah pinggang berlaku dalam masa yang singkat dan kemungkinan untuk buah pinggang sembuh lebih tinggi. Bagi kegagalan buah pinggang jenis kronik atau jangka masa panjang pula, ia biasanya disebabkan oleh penyakit



Bagi kegagalan buah pinggang jenis kronik atau jangka masa panjang pula, ia biasanya disebabkan oleh penyakit yang dihadapi oleh pesakit untuk sekian lama seperti kencing manis, darah tinggi atau polycystic kidney”

Dr Hanafiah

yang dihadapi oleh pesakit untuk sekian lama seperti kencing manis, darah tinggi atau polycystic kidney (buah pinggang polisistik).

Adalah amat penting bagi penghidap kencing manis dan darah tinggi menjalani ujian pemeriksaan darah berkala untuk menentukan tahap fungsi buah pinggang mereka.

Selain semua yang dinyatakan, terdapat pelbagai lagi penyebab kepada rosaknya buah pinggang. Oleh itu, adalah amat penting untuk pemeriksaan lanjut dijalankan seperti pemeriksaan darah dan ultrasound untuk mengenalpasti penyebabnya.

Rawatan untuk kedua-dua jenis masalah sakit buah pinggang ini adalah dengan menggunakan alat menggantikan buah pinggang berkenaan, contohnya dialisis. Alat ini berfungsi di mana cecair darah akan melalui mesin 'penapis' dan cecair darah ditapis serta badan diseimbangkan sebelum dimasukkan semula ke dalam badan pesakit.

Ini penting untuk memberi keseimbangan zat dalam badan, membuang toksik terkumpul dan mengeluarkan cecair terkumpul seterusnya dapat mengelakkan kematian.